

12/09/2003

Harapan rakyat menanti bajet

BAJET 2004 pasti dinantikan dengan penuh harapan oleh pelbagai pihak baik kakitangan kerajaan, rakyat jelata yang bakal membeli rumah, peneroka Felda, bakal jemaah haji, ahli korporat malah senarainya akan berterusan. Penghisap rokok, peminum arak dan pemain judi pula menanti dengan penuh debaran. Unjuran kadar pertumbuhan ekonomi yang agak baik melebihi empat peratus bagi 2003 dan diramal lebih tinggi lagi bagi 2004 memang mewajarkan pelbagai kalangan itu mahukan permintaan mereka dipenuhi kali ini. Dengan perkembangan ekonomi dijangka semakin mantap sedang keadaan persekitaran tidak menentu dengan perang Iraq dan ancaman wabak SARS, baru-baru ini, tidaklah menghairankan permintaan bagi mendapatkan ganjaran dan pembelaan meningkat.

Dengan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bakal bersara bulan depan, memang ramai mengharapakan bajet terakhir beliau memenuhi keperluan ramai. Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan (Cuepacs) mencadangkan kakitangan awam sekali lagi diberikan bonus. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menggesa kerajaan mengambil alih pembinaan rumah kos rendah dan menjualnya kepada golongan berpendapatan rendah secara sewa beli. Ini berikutan kegagalan pemaaju swasta memenuhi syarat membina 30 peratus rumah kos rendah di setiap projek perumahan baru.

Profesor Diraja Ungku Aziz pula mencadangkan Tabung Haji menurunkan kos menunaikan ibadat haji dan tidak mementingkan sangat keuntungan berikutan belanja ke Makkah yang hampir mencecah RM10,000 seorang. Ini menurutnya sukar dipenuhi bakal jemaah berpendapatan rendah. Dalam pada itu, 105,000 keluarga peneroka diramal bernafas segar apabila tanah Felda diambil alih syarikat dimiliki sendiri peneroka sebagai pemegang saham. Ini memberi peluang kepada mereka mendapat nilai sebenar bagi tanah yang dimiliki. Bagaimanapun, apa yang pasti adalah tidak ada satu pun formula dibentangkan kerajaan akan menguntungkan semua pihak. Cukai ke atas rokok dan arak mungkin dinaikkan begitu juga sektor perjudian. Tetapi Dr Mahathir tentu tidak mahu menghampakan rakyat jelata dengan memberi keistimewaan dan ganjaran kepada golongan yang memang memerlukannya.